



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 04 (22 JANUARI – 28 JANUARI 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-04 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,910 berbanding 2,319 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 409 kes (17.6%). Satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-04 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 8,968 kes berbanding 2,948 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 6,020 kes (204.2%), Manakala sebanyak empat (4) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding tiada (0) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Sebanyak 79 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 80 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 51 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 14 lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya, 12 lokaliti hotspot di Sabah dan dua (2) lokaliti hotspot di Pulau Pinang.

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak lima (5) kes pada minggu ke-04 dengan tiga (3) kes dari Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) kes dari Kedah serta Selangor. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 52

kes. Bagi surveyan zika, sebanyak 169 sampel darah dan satu (1) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Malaysia merupakan sebuah negara dengan penduduk pelbagai etnik, agama dan budaya. Oleh itu, terdapat pelbagai sambutan perayaan keagamaan dan kebudayaan yang dirayakan bersama. Banyak kelengkapan dan peralatan digunakan semasa musim perayaan yang dapat menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes* jika tidak diuruskan dengan baik. Oleh itu, pastikan kebersihan tempat upacara dan sambutan dijaga dengan baik. Lupuskan barang yang rosak serta tidak digunakan di tempat kitar semula atau tempat pelupusan yang telah disediakan. Lakukan semburan aerosol sebelum melakukan aktiviti.

Pakai pakaian yang berwarna cerah serta menutup anggota badan semasa menjalankan aktiviti di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk *Aedes* iaitu pukul 6 hingga 8 pagi dan pukul 6 petang hingga 8 malam. Selain itu, gunakan bahan repelan nyamuk pada anggota badan yang terdedah. Cegah denggi sebelum terkena. Selamat menyambut perayaan Thaipusam dan Cap Goh Mei.

Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

2 Februari 2023